



## Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,  
Engkau memanggil kami untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu, ditarik ke dalam kehidupan persekutuan Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026. Ajarlah kami untuk mendengar dengan mendalam, untuk menilai dengan setia, dan untuk mempercayai ke mana Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu empat aspek yang sedang kami pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami, agar mereka menjadi tempat cinta, iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami, agar kami dapat berkembang dalam persekutuan, penyertaan, dan saksi yang penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan, agar kami dapat menjaga bumi dengan rasa hormat, tanggungjawab, dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam komuniti, agar kami dapat mencari keadilan, mempromosikan keamanan, dan berdiri dalam solidariti dengan yang miskin dan yang terpinggir.

Ketika jalan pastoral lahir daripada pertimbangan kami, semoga ia memperkaya dan menguatkan komuniti iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja, yang merenungkan Firman-Mu dan berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar dalam Kristus, penuh perhatian terhadap satu sama lain, dan terbuka kepada karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini membantu kami hidup dengan lebih setia sebagai satu Gereja Katolik Malaysia, melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.  
Amin

(terjemahan-HERALD)

**TAKHTA SUCI:** “Salam sejahtera ke atas kamu semua! Saudara-saudari yang dikasihi, inilah kata-kata pertama yang diucapkan oleh Kristus yang bangkit, Gembala Baik yang menyerahkan nyawanya untuk kawan Tuhan...” demikian petikan kata-kata Sri Paus pertama dari Amerika Syarikat yang terpilih sebagai penerus Takhta Sto Petrus pada Mei 8, 2025.

Kata-kata pertama Sri Paus itu memperlihatkan fokus kepimpinannya: keamanan, harapan dan perpaduan.

Pada Ogos tahun lalu, Pusat Penerbitan Vatikan (LEV) mengeluarkan buku baharu yang mengumpulkan ucapan awam pertama Sri Paus Leo XIV.

Kemudian, pada Februari 24, Media Vatikan menerbitkan teks pengenalan buku Sri Paus Leo XIV yang bertajuk “Peace Be With You!”.

Berikut merupakan petikan pengenalan buku itu yang kuat bernada “keamanan”:

### Pertemuan langkah awal keamanan

Keamanan merupakan salah satu isu besar zaman kita, ia adalah hadiah dan komitmen: hadiah dari Tuhan yang dibina oleh lelaki dan wanita sepanjang zaman.

Kita hidup dalam dunia yang terluka kerana terlalu banyak konflik dan diserang oleh permusuhan berdarah.

Nasionalisme yang pahit menginjak hak yang golongan paling lemah. Bahkan sebelum ia dihancurkan di medan perang, keamanan dikalahkan di dalam hati manusia apabila kita menyerah kepada keegoisan dan ketamakan serta apabila kita membenarkan kepentingan partisan mengatasi kepentingan bersama.

Ramai penulis telah berkata bahawa apabila kita enggan mendengar cerita orang lain, kita mula merampas maruah mereka. Mengabaikan martabat seseorang ialah langkah pertama dalam mana-mana peperangan.

Sebaliknya, mengenali orang lain merupakan peringkat awal keamanan. Tetapi untuk mengenali, seseorang mesti terlebih dahulu tahu bagaimana untuk mencintai. Sto Augustine berkata bahawa “tiada siapa yang boleh dikenali kecuali melalui persahabatan” (*Eighty-three Different Questions*, 71).

Saya ingin memberi renungan di sini tentang dua dimensi keamanan ini, iaitu vertikal (keamanan sebagai anugerah dari Atas) dan horizontal (keamanan sebagai tanggungjawab setiap individu).

### Tuhan tidak pernah memberkati keganasan!

Keamanan adalah hadiah yang telah diberikan oleh Tuhan kepada lelaki dan wanita melalui kelahiran Yesus di Bethlehem. Para malaikat mengumumkan keamanan di bumi kerana Tuhan menjadi manusia. Dia memeluk kemanusiaan dengan begitu mendalam sehingga dengan salib-Nya, Dia menghancurkan permusuhan dosa.

Sto Augustine menulis: “Kita juga akan menjadi sumber kemuliaan tambahan kepada Tuhan di tempat tertinggi apabila, selepas kebangkitan tubuh rohani kita, kita akan diangkat ke awan untuk bertemu dengan Kristus, dengan syarat, sudah tentu kita telah bekerja untuk keamanan dengan niat baik, semasa kita berada di bumi ini” (*Sermons*, 193).



Kemuliaan Tuhan turun ke bumi untuk menjadikan kita peserta dalam kebaikan-Nya yang tidak terhingga. Anugerah ini memanggil kita untuk bertindak balas dan melaksanakan “niat baik”, seperti yang ditulis oleh Santo Hippo.

Tambahan pula, keamanan adalah hadiah yang diberikan oleh Yang Bangkit kepada para murid-Nya.

Ia adalah keamanan yang “terluka” kerana luka-luka penyaliban, kerana keamanan Yesus terpancar daripada Hati yang mencintai serta membiarkan diri-Nya dipukul oleh penderitaan setiap masa dan tempat.

“Seperti yang kamu dengar, Tuhan nampakkan diri kepada murid-murid-Nya selepas kebangkitan-Nya, dan memberi salam kepada mereka dengan berkata, ‘Damai sejahtera bagi kamu.’” Inilah kedamaian yang sebenar, dan ucapan selamat dari keselamatan: kerana perkataan ucapan “selamat itu sendiri telah berasal daripada kata keselamatan” (*St Augustine, Sermons*, 116).

### Keamanan harus diajar, memberi ruang kepada orang lain

Namun, keamanan juga merupakan komitmen dan tanggungjawab bagi setiap kita. Keamanan bermaksud mengajar kanak-kanak untuk menghormati orang lain dan tidak membuli orang lain ketika mereka bermain.

Keamanan bermaksud mengatasi keegoan peribadi kita dan memberi ruang kepada orang lain, dalam keluarga kita, di tempat kerja, dalam sukan.

Keamanan adalah ketika hati dan hidup kita dihuni oleh keheningan, meditasi dan mendengar suara Tuhan; kerana Tuhan tidak pernah memberkati kekerasan, Dia tidak pernah menyetujui sikap mengambil kesempatan ke atas orang lain, atau penyalahgunaan yang melampau terhadap Bumi yang

mencatatkan Penciptaan, sebuah anugerah dari Pencipta.

### Doa, perjuangan tanpa “darah”

Kita mungkin berasa tidak berdaya di hadapan banyak peperangan yang sedang berlaku di seluruh dunia. Kita boleh bertindak balas dengan pelbagai cara terhadap ‘globalisasi ketidakberdayaan’. Para umat beriman, boleh dan paling utama, memberikan suara kepada “doa”!

Doa adalah kekuatan “tanpa senjata” yang hanya mencari kebaikan bersama, tanpa pengecualian. Dengan berdoa, kita melucutkan senjata ego kita dan menjadi mampu untuk bersikap ikhlas dan tulus.

Tambahan pula, hati kita adalah medan perang yang paling penting. Di situlah kita mesti belajar kemenangan tanpa menumpahkan darah, menghalang budaya kematian dan sikap menguasai: hanya hati yang damai dapat membina dunia yang damai.

### Mencipta budaya keamanan

Kita mesti mengamalkan budaya perdamaian, dengan mencipta pertemuan dan dialog tanpa kekerasan, tempat di mana kecurigaan terhadap orang lain dapat dihapus.

Hati adalah sumber keamanan: di situ kita mesti belajar untuk bertemu dan bukannya bertelagah antara satu sama lain, untuk mempercayai dan bukannya curiga, untuk mendengar dan memahami bukannya menutup diri daripada orang lain.

Akhirnya, politik dan komuniti antarabangsa bertanggungjawab untuk memudahkan pengantaraan konflik, menggunakan seni dialog dan diplomasi.

Marilah kita meminta kepada Bapa untuk memberikan kepada dunia kita, semua orang, terutama mereka yang paling terabai dan yang paling menderita, rahmat berkat keamanan yang adil dan berkekalan. **Media Vatikan**

# Erti penderitaan Yesus

Saya mendengar cerita ini daripada seorang ahli teologi terkenal, tetapi beliau lebih suka namanya tidak disiarkan, tetapi kisah ini menggambarkan pengetahuan teologinya yang bijaksana.

Ketika beliau sedang menyampaikan ceramah yang menyatakan bahawa Tuhan tidak mahu Yesus menderita seperti yang dialami-Nya semasa hidup di dunia."

Seorang wanita dalam kalangan penonton segera meninggikan suaranya: "Anda pasti tentang itu?"

Tidak mengetahui sama ada ia merupakan bantahan atau meminta pengesahan, ahli teologi itu menjemput wanita itu untuk bercakap dengannya pada waktu rehat.

Pada waktu rehat, wanita itu mengulangi soalan itu: "Adakah anda pasti? Adakah anda yakin bahawa Tuhan tidak mahu Yesus menderita seperti apa yang Dia alami di dunia?"

Beliau menjawab bahawa memang itu yang dimaksudkannya. Tuhan tidak mahu Yesus menderita seperti yang dilalui-Nya di dunia.

Wanita itu menjawab, "Bagus, maka saya boleh berdoa lagi. Saya sukar untuk berdoa kepada Tuhan yang memerlukan saya menderita untuk membayar kesalahan saya."

Mengapa Yesus menderita? Adakah penderitaannya diperlukan untuk membayar hutang yang hanya dapat ditebus oleh makhluk Ilahi?

Adakah dosa asal Adam dan Hawa begitu besar kepada Tuhan sehingga tiada kesucian manusia, ibadah, altruisme, atau penderitaan pengorbanan yang dapat meredakan kemarahan Tuhan? Sesungguhnya, adakah Tuhan pernah perlu dipuaskan?

Idea bahawa Yesus perlu menderita untuk meredakan kemarahan Tuhan terhadap dosa-dosa kita terletak dalam pemahaman manusiawi kita tentang penderitaan dan kematian Yesus, dan terdapat rujukan yang nampaknya kuat, yang menyokong perkara itu dalam kitab suci dan teologi penebusan dosa.

Ini dinyatakan bahawa beberapa kuota



penderitaan diperlukan untuk membayar hutang dosa dan penderitaan Yesus dapat melunasi hutang itu. Dan kerana hutang itu besar, penderitaan Yesus haruslah berat.

Tetapi, kebanyakan perkara ini ialah metafora, memerlukan penelitian, serta tidak boleh dibaca atau dihayati secara harfiah.

Berikut merupakan pandangan lain tentang mengapa Yesus memilih untuk menerima penderitaan seperti yang dilakukan-Nya di dunia.

Dia melakukannya untuk menunjukkan solidariti penuh dengan kita. Dia menerima untuk menderita dengan cara yang begitu ekstrem supaya tiada siapa pun dapat berkata: "Yesus tidak menderita seperti yang saya lalui! Saya telah menderita dengan cara yang lebih menyakitkan dan memalukan daripada yang pernah Dia alami!"

Baiklah, mari kita meneliti penderitaan Yesus dalam konteks cabaran itu.

Pertama, dalam hidupnya sebelum penderitaan dan kematian-Nya, Dia mengalami kesakitan, kemiskinan, salah faham, kebencian, pengkhianatan serta kesunyian hidup bujang.

Begitu juga, di atas salib, Dia menderita malam gelap iman. Tetapi ini adalah penderitaan manusia biasa. Namun dalam penderitaan dan kematian-Nya,

penderitaan-Nya menjadi lebih luar biasa.

Yesus disalibkan. Penyaliban direka oleh orang Roma sebagai lebih daripada sekadar hukuman mati. Ia juga direka untuk menyebabkan jumlah kesakitan maksimum yang dapat ditanggung oleh seseorang.

Itulah sebabnya mereka kadang-kadang memberikan morfin atau ubat lain kepada orang yang disalib, bukan untuk mengurangkan kesakitannya, tetapi untuk memastikan dia sedar sepanjang disiksa agar dia menderita lebih lama.

Lebih teruk lagi, penyaliban direka untuk menghina sepenuhnya orang yang disalibkan.

Penyaliban dilakukan di hadapan awam. Orang yang disalibkan akan dilucutkan pakaiannya sehingga kemaluannya terdedah dan sesama kekejaman semasa dia mati, ususnya akan melonggar. Hinaan yang teramat sangat. Inilah yang Yesus alami.

Tambahan pula, para sarjana berspekulasi (walaupun tiada bukti langsung untuk ini) bahawa pada malam antara penangkapannya dan pelaksanaan hukumannya keesokan harinya, dia telah diserang secara seksual oleh askar-askar yang menahannya.

Spekulasi ini berlandaskan kepada dua perkara: firasat, kerana serangan seksual adalah perkara biasa dalam situasi seperti

itu; dan untuk menderita penghinaan seperti ini adalah solidariti tertinggi Yesus dengan penderitaan manusia.

Mungkin tiada penghinaan yang setanding dengan penghinaan yang dialami dalam serangan seksual. Jika Yesus mengalami ini, dan ada firasat bahawa Dia melakukannya, maka ia menempatkannya dalam solidariti dengan salah satu kesakitan manusia yang paling dalam.

Setiap orang yang telah mengalami penghinaan ini mempunyai penghiburan dengan mengetahui bahawa mungkin Yesus juga telah mengalami ini.

Mengapa Yesus menerima untuk menderita seperti yang Dia lakukan di dunia? Mengapa, seperti yang dinyatakan oleh Pejabat Gereja, dia menjadi pendosa bagi kita meskipun Dia murni?

Apa pun misteri dan kebenaran mendalam yang terdapat dalam motif membayar hutang untuk dosa-dosa kita dan menebus kekurangan manusia, alasan yang lebih mendalam mengapa Yesus memilih untuk menerima penderitaan kerana mahu bersatu dan bersolidariti penuh dengan kita, dalam semua kesakitan dan penghinaan kita.

Yesus datang daripada Tuhan kita yang tidak terucapkan, membawa wajah manusia kepada yang Ilahi, dan mengajar kita apa yang ada di dalam hati Tuhan.

Dan dalam melakukan ini, Dia mengambil sepenuhnya keadaan kemanusiaan kita. Dia tidak hanya menyentuh kehidupan manusia, dia memasuki kehidupan itu sepenuhnya, termasuk kedalaman kesakitan manusia.

Memang, terdapat penderitaan tertentu yang mungkin tidak dialami secara eksplisit oleh Yesus (perkauman, seksisme, pengasingan, kecacatan fizikal) tetapi dalam malam gelap iman di kayu salib dan dalam penghinaan yang dialami-Nya semasa disalibkan, Dia menderita dengan cara yang tidak ada siapa boleh berkata: "Yesus tidak menderita seperti yang pernah aku alami!" **Hakcipta Terpelihara 1999-2026@Fr Ron Rolheiser**

## Datanglah kepada sumber Air Sejati!

AIR ialah keperluan vital manusia yang tak tergantikan, penting dan harus. Air menjadi simbol kehidupan. Air juga dapat menjadi bencana, ketika banjir melanda, dan apabila krisis air berlaku, ia mengakibatkan kematian. Air adalah keperluan asas manusia sepanjang sejarah.

Injil pada hari minggu ini berkisah tentang seorang perempuan Samaria yang sedang menimba air dari sumur Yakob.

Dan pada kesempatan itu, perempuan itu berjumpa dengan Yesus, yang meminta air daripadanya untuk memuaskan dahaga.

Percakapan yang bermula daripada air yang menyegarkan dahaga dan menghidupkan badan serta bersifat sementara itu, beralih percakapan yang semakin mendalam ke air hidup yang menghidupkan jiwa, untuk kehidupan kekal.

Bahkan Yesus memperkenalkan diri-Nya sebagai mata air kehidupan kekal. Ia sumber yang melimpah, tak pernah akan kering.

Air itu menjadi simbol spiritual yang penting bagi semua agama, terutama agama Kristian.

Air baptis adalah simbol peralihan hidup kita dari yang lama menjadi baru. Yesus menunjukkan dengan jelas diri-Nya sebagai sumber air yang memberi kehidupan, yang membersihkan.

Perjumpaan dan percakapan yang mulanya biasa-biasa saja itu, berpuncak pada pengenalan peribadi siapa Yesus sebenarnya.

Bahkan wanita Samaria itu tidak hanya mengenal peribadi Yesus, tetapi terbuka terhadap dirinya sendiri dan menyadari siapa dirinya, yang harus datang menimba air kehidupan pada sumber sejati iaitu Yesus sendiri.

Yesus pada mulanya dikenali sebagai seorang Yahudi, selanjutnya sebagai seorang nabi yang mengetahui segala sesuatu tentang dirinya, dan akhirnya mengakui Yesus sebagai Mesias, Juruselamat dunia. Inilah sebuah pengalaman iman yang sangat berharga.

Perjumpaan dan percakapan itu mendorong wanita itu untuk memberi kesaksian tentang siapa Yesus yang telah dijumpainya itu.

Kesaksiannya membawa orang-orang lain datang, berjumpa dan berusaha bercakap-cakap dengan Yesus di sumur Yakub.

Pertemuan peribadi itu telah membawa suatu hidup baru, sebuah ghairah baru, sebuah kegembiraan dan keberanian untukewartakan Yesus.

Iman mereka tidak lagi hanya sekadar berdasarkan kesaksian orang lain, tetapi lebih dari itu berdasarkan pada kata-kata,

kesaksian dan perjumpaan dan kontak relasi personal dengan Yesus secara personal pula.

Selanjutnya iman akan Yesus sebagai Juruselamat dunia, menjadi khabar gembira bagi orang lain.

Pesan bagi kita pada masa Pra-Paskah ialah datanglah kepada sumber air sejati iaitu Yesus.

Dalam pembacaan pertama, terdapat sungutan orang Israel, "Adakah Tuhan di tengah-tengah kita?" Mereka merungut kerana kelaparan dan kehausan di tengah-tengah padang gurun.

Kita juga selalu berasa Tuhan kurang kasih dan kurang baik terhadap kita. Padahal apa yang Dia sudah berikan terlalu banyak untuk kita.

"Tetapi Tuhan menunjukkan kasih-Nya kepada kita oleh kerana KRISTUS telah mati untuk kita ketika kita masih berdosa." Begitu tulis Paulus dalam suratnya kepada jemaat di Roma.

Yesus selalu menawarkan kita air kehidupan yang mengalir dari hati-Nya yang kudus, air menyegarkan dan menghidupkan.

Semakin kita datang kepadanya dan membuka diri kepadanya, Dia mengenal latar belakang kita, kelemahan kita dan kerapuhan kita yang perlu selalu dibasuh dalam kasih-Nya yang suci.

**HARI MINGGU KETIGA  
PRA-PASKAH  
KELUARAN 17:3-7;  
ROMA 5: 1-2,5-8;  
INJIL YOHANES 4:5-42.**



Pengalaman peribadi dengan Yesus membawa kegembiraan dan semangat baharu untuk terusewartakan juga kepada orang lain, agar mereka pun datang dan mengalami Yesus sang sumber air kehidupan itu.

Dan semakin ramai orang diselamatkan. Dan kalau kita boleh menikmati kesegaran dari sumber air sejati, diharapkan orang lain pun boleh juga punya pengalaman yang sama, ketika kerana kesaksian hidup kita orang lain pun datang dan mengalami sukacita dalam Tuhan. **Terang Kristus**

## Konvensi karsimatik Keuskupan Keningau



# Di sanalah mereka akan melihat Aku

KENINGAU: Sambutan Jubli Emas dan Konvensi Pembaharuan Karismatik Katolik Keuskupan Keningau telah melabuhkan tirainya selepas berhimpun selama tiga hari iaitu pada Februari 6 hingga 8, di Dataran Keuskupan Katedral St Francis Xavier Keningau.

Konvensi yang telah disertai oleh 854 orang peserta itu turut disertai peserta dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu dan Keuskupan Sandakan.

Dengan tema, "...Mereka Pergi Ke Galilea, Di sanalah mereka akan melihat Aku" (Mat 28:10b), kon-

vensi itu bermatlamat mengemablikan dan memperbaharui semangat Karismatik Katolik dan peranan Tim Pembaharuan Karismatik di Keuskupan Keningau.

Misa pembukaan telah dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius, yang juga merupakan Penasihat Rohani Charis Keuskupan Keningau. Msgr Gilbert berkata konvensi itu merupakan kesempatan khususnya kepada para pelayan Karismatik untuk menghidupkan kembali semangat pelayan Karismatik pada masa kini menghadapi pelbagai cabaran.

"Terlalu banyak perkara yang membantutkan pelayan. Namun kita diingatkan untuk terus bangkit dalam kesatuan Tuhan Yesus agar kita mampu melihat dan menyedari bahawa Tuhan memberi kekuatan dan menambah kuasa kepada yang lemah (Yesaya 40:29)."

Selepas Misa, para peserta menyaksikan video pelancaran CHARIS peringkat Keuskupan Keningau yang dahulunya dikenali sebagai KIPKK.

Pada hari kedua, menerusi tema "Dipulihkan dan Dicurahkan", para

peserta mendengar beberapa sesi menarik daripada penceramah jemputan iaitu Tanto Wijoyo Thamrin dari Keuskupan Agung Pontianak, Indonesia.

Kemuncak program pada hari kedua ialah Rally Pujian dan Penyembahan, Pencurahan Roh Kudus dan Penyembuhan yang memberikan sentuhan luar biasa kepada para peserta.

Hari terakhir konvensi, dirayakan dengan perayaan Ekaristi yang menyaksikan kehadiran lebih 1,000 umat.

Msgr Gilbert yang memimpin

Misa Kudus penutup mengajak para peserta konvensi agar menjadi garam dan terang dunia.

Sebagai "garam" kita mempertahankan kebenaran dan sebagai "terang" kita memancarkan cahaya Kristus kepada semua orang lebih-lebih lagi kepada orang yang belum mengenali Sang Penyelamat."

Msgr Gilbert berharap agar para peserta konvensi dapat kembali ke tempat masing-masing dengan iman yang telah disegarkan serta semakin berani bersaksi tentang Kristus.

SUNGAI PETANI: Seramai lebih 30 umat dari Apostolik Bahasa Malaysia, Gereja Kristus Raja telah mengambil bahagian dalam satu sesi pembentukan rohani.

Pembentukan rohani itu telah dikendalikan oleh Sr Lucynia Jeprin FSIC, selaku Koordinator Apostolik Bahasa Malaysia, Keuskupan Pulau Pinang.

Sr Lucynia menyampaikan dua sesi iaitu kepentingan penajaman peranan pelayan Tuhan serta tentang liturgi.

Religius itu mengajak para peserta untuk melihat pelayan bukan sekadar tugas atau tanggungjawab tetapi sebagai panggilan kasih dan komitmen yang lahir daripada hubungan peribadi dengan Kristus.

Mengenai liturgi, Sr Lucynia membantu para peserta memahami makna setiap bahagian perayaan Ekaristi.

Selain sesi ceramah, pembentukan itu disertakan dengan bengkel interaktif yang memberi peluang kepada para peserta untuk berbincang, berkongsi pengalaman serta memperkukuhkan pemahaman tentang peranan masing-masing dalam pelayan



## Umat Sg Petani hadiri pembentukan liturgi, iman

liturgi.

Turut hadir memberikan sokongan kepada para peserta ialah Fr Victor Louis, paderi paroki Kristus Raja.

Dalam ucapannya, Fr Victor merakamkan penghargaan dan tahniah kepada semua umat yang hadir.

Beliau berharap agar segala

ilmu dan pengisian yang diterima pada hari itu, dapat dipraktikkan dalam pelayan mereka.

Kebanyakan peserta yang hadir terdiri daripada umat yang berasal dari Malaysia Timur, Indonesia dan umat setempat yang menggambarkan semangat keharmonian paroki Kristus Raja, Sg Petani. **Aveil Olga**

## Empat katekis baharu diutus untuk paroki Limbahau

LIMBAHAU: Empat orang katekis terlatih telah diutus baru-baru ini di Gereja Holy Rosary.

Empat orang katekis baharu itu ialah Melvin Louis Longinus (Kogopon), Dariah Jawatin (Sabandil), Rusina Liuhi (Kambi-zaan) dan Felix Sumpogol (Mandalipau).

Misa Kudus tersebut dipimpin oleh Fr Paul Lo. Dalam homilinya, beliau mengingatkan bahawa setiap pelayan dalam Gereja tidak terlepas daripada penghakiman, cabaran dan ujian.

Secara khusus, Fr Paul menegaskan bahawa tugas sebagai katekis menuntut kesetiaan, kerendahan hati dan ketekunan dalam mewartakan iman.

Paderi paroki itu turut berpesan agar semua katekis dan setiap individu yang terlibat dalam pelayan

Gereja sentiasa mengusahakan kesatuan dan kasih dalam komuniti, serta menjauhi sikap yang boleh membawa kepada perpecahan.

Terdahulu pada hari yang sama, Fr Paul telah mempengerusikan Mesyuarat Komite Katekis Gabungan paroki Limbahau dan Papar bagi membincangkan takwim tahunan serta perkara-perkara berkaitan pelayan katekis.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh pembantu rektor, Fr Florian Marcus.

Selepas Misa Kudus, para katekis bersama paderi Paroki berkumpul di dewan Gereja untuk meraikan para katekis yang baharu diutus. emoga pelayan para katekis yang baharu dan lama di kedua-dua paroki ini menjadi berkat kepada seluruh umat dan mereka terus diperkukuhkan dalam iman, harapan dan kasih.



## Tiga fraterniti OFS Sabah bergabung dalam retreat



TUARAN: Tiga fraterniti iaitu fraterniti dari St John *The Apostle*, Tuaran, St Joseph *Husband of Mary*, Kiulu; dan St Elizabeth dari Hungary, Telipok, telah bergabung untuk sebuah sesi refleksi tentang apakah itu *Secular Franciscan Order* (SFO/OFS), mengapa menyertai OFS dan apakah peranan anggota OFS di paroki masing-masing.

Friar Cruzendar Alex, OFM, selaku Pembimbing Rohani National Council Malaysia, Sabah, dan Petronella Munting, National Formator, telah menjadi penceramah selama dua hari

pertemuan itu.

"Jika kamu telah memilih untuk menyertai anggota OFS, maka kamu telah memilih tujuan hidup yang lebih khusus. OFS bukanlah sekadar persatuan atau kelompok, tetapi OFS adalah cara hidup seperti yang dicadangkan dalam Injil. Kita tahu untuk menghidupi Injil adalah sukar kerana cabaran masa kini. Oleh sebab itu, OFS memerlukan lebih daripada dua orang untuk menghidupi fraterniti dan mewujudkan kehidupan secara Injil," ujar Friar Cruz.

"Tak kenal maka tak cinta, jatuh

cinta baru kenal," demikian kata-kata motivasi daripada Petronella Munting melalui perkongsiannya tentang OFS.

Beliau yang telah memegang jawatan sebagai National Formator Malaysia sejak 2017 dan akan berakhir pada tahun ini, telah banyak mencurahkan khidmat pelayan yang luar biasa kepada OFS Sabah.


Selain memberikan formasi, beliau juga salah seorang yang membantu pencarian dana bagi pembinaan bangunan Rumah Pembentukan Biara *Poor Clare* di Keuskupan Keningau.

# Sahabat kecil Yesus

**CARI OBJEK-OBJEK BERIKUT YANG TERSEMBUNYI DALAM GAMBAR DI BAWAH:  
PISANG, LOBAK, IKAN, BULAN, JARUM DAN BENANG, ZAITUN,  
HIRISAN OREN, SUDU, SIPUT, STOKIN.**




**Lengkapkan tempat kosong  
di bawah dengan mengisi  
sukukata mengikut nombor.**



(YOHANES 7:38)

**Sesiapa**  
(1) \_\_\_ caya ke (2) \_\_\_ da-  
Ku, (3) \_\_\_ perti yang  
dikatakan ol (4) \_\_\_  
Kit (5) \_\_\_ Suci: Dari  
da (6) \_\_\_ hatinya akan  
(7) \_\_\_ alir  
(8) \_\_\_ ran-aliran air  
hidup.



**CARI ENAM  
PERBEZAAN  
PADA GAMBAR  
INI!**

*Anak-anak yang dikasihi,*

Dalam bacaan pertama hari ini, orang Israel di padang pasir kehausan dan meminta Musa untuk mendapatkan air.

Jadi Tuhan menyuruhnya memukul batu besar dengan tongkatnya dan air keluar. Air itu telah menghilangkan haus orang-orang Israel.

Dalam bacaan Injil, Yesus

memberitahu wanita Samaria bahawa Dia boleh memberinya air hidup supaya dia tidak akan pernah dahaga.

Anak-anak, apa yang Yesus maksudkan ialah Dia umpama air yang boleh memberi kehidupan, menyegarkan dan sesuatu yang kita amat perlu untuk kelangsungan hidup kita.

Dalam pembacaan pertama,

orang-orang di padang pasir akan mati jika mereka tidak mendapat air.

Sekarang Yesus memberikan kepada kita hidup-Nya, yang merupakan rahmat. Kita menerimanya terutamanya dalam Komuni Suci.

Ini adalah air hidup yang Dia maksudkan. Jiwa kita memerlukan rahmat-Nya untuk terus hidup.

Anak-anak, ketika kita minum air, bahawa kita memerlukan air untuk terus hidup sebagaimana jiwa kita memerlukan rahmat Tuhan.

Berdoa, membaca Injil dan membantu orang lain, juga seperti memberikan minuman kepada jiwa anak-anak!

Salam Sayang  
Antie Melly

# BELIA

## Menjadi Sto Francis di media sosial

### Suara dan Pendapat

Dalam komuniti Katolik, remaja dan orang muda mempunyai cara mereka sendiri untuk melakukan sesuatu.

Sebagai contoh, pada Misa hari Minggu, saya melihat orang muda yang tidak menggunakan buku nyanyian semasa menyanyikan lagu-lagu liturgi. Mereka menggunakan telefon pintar mereka sebagai ganti.

Semasa saya melawat sebuah biara, saya melihat seorang biarawan berdoa dengan buku "Ibadat Harian" tetapi seorang biarawan muda, menggunakan telefon bimbitnya untuk berdoa.

Suatu ketika saya duduk di sebelah seorang uskup emeritus, beliau mengeluarkan tablet dari poketnya.

"Saya sudah terlalu tua untuk berdoa dengan buku," katanya! Rupa-rupanya, uskup emeritus itu lebih dapat membaca dengan baik dengan menggunakan peranti elektronik kerana ia mempunyai kontras yang lebih tinggi dan teks yang boleh diskala.

Golongan muda berkomunikasi antara satu sama lain melalui peranti mereka, dan mereka juga menggunakannya untuk berkomunikasi dengan Tuhan.

Mereka menghidupkan kepercayaan mereka yang berakar umbi dalam budaya mereka, iaitu siberkultur.

#### Mempengaruhi budaya

Kita boleh menggambarkan Sto Francis dari Assisi sebelum pertobatannya.

Sebelum bertobat, beliau seorang pemuda yang sangat berpengaruh.

Dia bercita-cita untuk menjadi seorang kesatria, dan mempunyai kawan-kawan serta pengikut.

Namun, ketika Sto Francis mulai mengubah cara hidupnya ke arah rohani, dia mencari kesunyian dan pengasingan.

Dia memahami bahawa Tuhan tidak memanggilnya untuk menutup diri daripada dunia, tetapi untuk menyebarkan khabar gembira.

Oleh sebab itu, Sto Francis tidak meninggalkan budayanya, tetapi berusaha untuk menginjil dalam konteks sosial pada masa itu.

Sto Francis ialah seorang pengengaruh golongan muda dan dia mula mempengaruhi lebih ramai lagi dengan kesaksiannya tentang kehidupan yang suci.

Sto Francis menjalani kehidupan yang kontemplatif, tetapi dia juga menjalankan karya-karya penginjilan, mengembara dan bertemu dengan orang ramai. Dia juga menulis banyak surat.

Bolehkah anda bayangkan jika Internet wujud pada abad ke-13? Bolehkah anda bayangkan profil Sto Francis di media sosial?



#### Cabaran hari ini

Cabaran bagi kita hari ini adalah untuk menjadi seperti Sto Francis di media sosial; untuk menjadi seperti Sta Clare dalam hubungan kita dengan orang lain; untuk memastikan bahawa profil kita di media sosial mencerminkan "wajah" Yesus.

Bagi remaja dan orang muda yang beriman, cabaran ini adalah realiti. Sama seperti "remaja joystick" yang boleh menjadi pakar

bedah yang mahir, begitu juga remaja Gereja adalah mereka yang mempunyai kemampuan untuk menginjil di dunia maya. Seperti Sto Francis, mereka boleh mempengaruhi budaya di mana mereka hidup, bukannya menjauhkan diri daripadanya.

Kita takut terhadap pembenci, takut munculnya salah faham, dan mungkin kurang profesionalisme.

Kita mungkin bertanya, mengapa perlu menginjil? Bukankah

sudah cukup aktiviti penginjilan di Gereja misalnya, katekesis, homili harian, mesyuarat dengan kumpulan?

Selain itu, kita lihat bahawa media sosial adalah berbahaya.

Namun, kita perlu menjadikan Tuhan hadir dalam persekitaran itu. Ini terletak di tangan mahir golongan muda untuk membawa iman dan Gereja ke dalam ruang siber dengan cara yang terbaik. **Aleteia**

## Aplikasi mudah alih baharu tentang mukjizat Ekaristi



MALVERN: Pada Februari 14, Pusat Ziarah Ekaristi Sto Carlo Acutis di Malvern, Pennsylvania, telah melancarkan aplikasi mudah alih baharu yang didedikasikan kepada mukjizat Ekaristi, diilhamkan oleh santo muda Itali tersebut.

"Carlo menggunakan teknologi pada zamannya untuk mendekati orang kepada Yesus dalam Ekaristi," kata Mary Bea Damico, Pengarah Eksekutif Shrine Carlo Acutis.

"Dengan aplikasi ini, kami meneruskan misi itu, menggunakan teknologi moden untuk mewartakan Ekaristi sebagai jantung hati hidup Yesus."

Aplikasi ini juga berkongsi perjalanan indah kehidupan Sto Carlo, dan mengajak semua orang untuk maju dalam perjalanan mereka sendiri untuk menjadi orang suci seperti yang mereka

diciptakan.

Dibangunkan dengan kerjasama Antonia Acutis, ibu kepada Sto Carlo Acutis, aplikasi ini mengumpulkan cerita-cerita yang didokumentasikan dan siap untuk mudah alih mengenai mukjizat Ekaristi yang dicatat oleh santo muda dalam Pameran Antarabangsa Mukjizat Ekaristi Dunia.

Sto Carlo Acutis, yang meninggal dunia pada tahun 2006 pada usia 15 tahun dan diangkat sebagai santo pada September 2025, menggunakan teknologi untuk mengkatalog dan mempromosikan mukjizat Ekaristi yang telah disiasat dan diluluskan oleh Gereja.

Sebelum kemunculan teknologi mudah alih dan media sosial, Sto Carlo telah mengakui internet sebagai alat yang berkuasa untuk

penginjilan.

Aplikasi ini juga mempunyai ciri-ciri lain seperti "Live Like Carlo," sebuah perjalanan interaktif melalui detik-detik penting dalam hidupnya, atau ruang khusus untuk Adorasi Ekaristi dalam talian dari kapel-kapel di seluruh dunia.

"Carlo suka menggunakan teknologi untuk bercakap tentang Yesus dan terutamanya tentang Ekaristi. Ia membawa kegembiraan kepada saya untuk melihat devosinya dikongsi dengan cara yang dapat mencapai golongan muda dan keluarga di mana-mana sahaja," kata Antonia Acutis.

"Adalah sangat penting bahawa kita terus menyebarkan berita tentang Mukjizat Ekaristi di seluruh dunia." Aplikasi ini akan menjadi alat yang hebat dalam meneruskan misi ini," katanya. **Aleteia**

## Berita singkat antarabangsa

### Bapa Suci bakal ke Afrika, Sepanyol dan Monaco

ROMA: Sri Paus Leo XIV akan melakukan Perjalanan Apostolik selama sepuluh hari ke Afrika dan dua lagi di Eropah, demikian diumumkan oleh Pejabat Akhbar Takhta Suci pada Februari 25.

Lawatan pertama akan menjadi perjalanan sehari pada akhir bulan Mac ke *Principality of Monaco*, diikuti dengan kunjungan ke Afrika pada bulan April,

dan akhirnya perjalanan enam hari ke Sepanyol dan di Kepulauan Sepanyol di Kepulauan Canari pada bulan Jun.

Selepas perjalanan penting ke Turkiye dan Lubnan pada akhir 2025 dan selepas pengumuman lawatan pastoral ke Lampedusa serta beberapa tempat di Itali, Bapa Suci Leo meneruskan ziarahnya ke seluruh dunia. Media Vatikan

### Sri Paus hantar pemanas elektrik, ubat ke Ukraine

VATIKAN: Perang telah meninggalkan jejak kemusnahan: keluarga yang berpecah-belah, orang awam melarikan diri untuk menyelamatkan nyawa mereka, wanita dan kanak-kanak terpisah dari suami yang dihantar ke barisan hadapan, dan rumah-rumah yang hancur menjadi runtuhan.

Namun, walaupun dalam saat-saat paling gelap, tindakan kebaikan dan kesabaran tetap bersinar.

Sebagai tindak balas kepada rayuan yang penuh perasaan yang menggambarkan situasi di

Ukraine sebagai "bencana kemanusiaan," Sri Paus Leo XIV telah menghantar ubat-ubatan penting ke tempat yang dilanda peperangan itu.

Menurut kenyataan dari Dikasteri untuk Pelayanan Amal Bakti, Sri Paus menghantar sebuah lori yang bernilai lebih daripada €1 juta, yang dibiayai oleh Yayasan Banco Farmaceutico ETS.

Pada pagi Februari 24, ratusan pemanas elektrik berisi minyak pemberian Sri Paus, telah sampai di Zaporizhzhia, Ukraine kepada lebih seribu keluarga. Media Vatikan

### Hong Kong rai ulang tahun ke-130 kongregasi asing dari Paris

HONG KONG: Loceng gangsa berusia 100 tahun berbunyi di Pok Fu Lam awal bulan ini ketika penganut Katolik di Hong Kong memperingati 130 tahun kedatangan khabar sukacita.

Perayaan itu diraikan di Gereja *Our Lady of Lourdes*, disambut dengan perarakan dan perayaan Ekaristi sambil mengenang kembali usaha para misionari dari Persatuan Misi Asing dari Paris, yang mula berkarya di wilayah itu pada tahun 1896.

Perayaan ulang tahun itu menekankan identiti Katolik yang berterusan di Pok Fu Lam, sebuah daerah bersejarah di

Pulau Hong Kong yang selama ini dibentuk melalui pendidikan, penjagaan kesihatan dan pembentukan komuniti oleh kongregasi dari Paris.

Perarakan bermula di Dewan Universiti Hong Kong, yang dahulunya merupakan tapak Seminari Nazareth, sebuah pusat pembentukan awal yang memainkan peranan penting dalam usaha misi serantau.

Lebih daripada 230 peserta berjalan di sepanjang jalan lama ke Kampung Pok Fu Lam, berhenti di klinik yang ditubuhkan oleh Fr Rene Chevalier, pada tahun 1952. LICAS News

### Gereja di Vietnam sediakan rumah perlindungan bagi pesakit kusta

HUNG YEN, Vietnam: Gereja Katolik di utara Vietnam menyambut Tahun Baharu Lunar dengan mengukuhkan sokongan jangka panjang untuk orang yang terjejas oleh kusta, membina rumah untuk mereka selepas penutupan kem kerajaan bagi pesakit kusta.

Pada 21 Februari, Keuskupan Thai Binh mengumpulkan pesakit kusta di Gereja Sub-paroki Dong Tho di wilayah Hung Yen

untuk Misa syukur dan perayaan komuniti.

Inisiatif ini datang beberapa bulan selepas pihak berkuasa membubarkan kem kusta Van Mon pada Jun 2025.

Sejak itu, beberapa pesakit telah ditempatkan dan dijaga di bangunan pastoral Sub-paroki Dong Tho, manakala yang lain tinggal dengan keluarga sempena Tahun Baharu Lunar. Licas News

### Uskup Agung Fulton John Sheen dari AS akan dibeatifikasi

Illinois, AS: Uskup Agung Fulton John Sheen akan segera dibeatifikasi, setelah Vatikan memberikan lampu hijau, demikian diumumkan Keuskupan Peoria, Illinois, AS, pada Februari 9.

Namun, tarikh atau lokasi beati-fikasi belum lagi diumumkan.

Pengumuman ini datang enam tahun setelah Takhta Suci menunda beati-fikasi, yang awalnya

dijadualkan pada Disember 2019.

"Uskup Agung Fulton Sheen adalah salah satu penginjilan terbesar dalam Gereja dan dunia pada abad ke-20," kata Uskup Louis Tylka dari Keuskupan Peoria.

Pernah dijuluki "mikrofon Tuhan," Uskup Agung Sheen menyampaikan kebenaran Tuhan kepada jutaan orang. Media Katolik



## Relik Sang Poverello pertama kali dipamer untuk umum

ASSISI, Itali: Suasana takzim menyelimuti Basilika Sto Fransis dari Assisi pada Februari 22, apabila ratusan penziarah berpusu-pusu mengunjungi relik Sto Fransis dari Assisi.

Buat pertama kalinya dalam sejarah, tulang-belulang Sto Fransis dari Assisi dipamerkan secara terbuka untuk penghormatan publik.

Pameran luar biasa ini merupakan sebahagian acara memperingati ulang tahun ke-800, wafatnya "Sang Poverello", 'si miskin kecil' pada tahun 1226.

Relik tersebut akan disemayamkan dalam kotak kaca hingga Mac 22, 2026.

Kesempatan ini memungkinkan penziarah melihat langsung sisa-sisa tubuh sang santo yang biasanya tersimpan di dalam makam batu tertutup.

Dianggarkan lebih 400,000 penziarah datang dalam masa sebulan.

Meskipun kerumunan sangat besar, suasana di dalam basilika tetap tenang.

Semasa memasuki basilika, penggunaan telefon pintar dilarang keras demi menjaga suasana doa.

Para biarawan Fransiskan dengan lembut mengingatkan penziarah untuk menjaga keheningan.

Ramai penziarah yang kelihatan emosi, berlutut, hingga mencium pembatas kaca yang melindungi relik tersebut.

"Bisa berada sedekat itu, hampir menyentuh tulang-belulangnya, adalah momen yang unik. Saya yakin tidak akan pernah melupakannya," ujar Luciano Avino, seorang penziarah remaja dari Napoli.

Semasa sidang akhbar, Uskup Assisi, Uskup Felice Accrocca, mengingatkan bahawa kekuatan Santo Fransis bukan terletak pada penampilan fizikalnya.

"Semasa hidup, tingginya 157 cm, pakaiannya kotor, dan wajahnya tidak tampan. Namun, Tuhan memberikan kuasa besar pada kata-katanya. Sto Fransis terus berbicara hingga hari ini," ujar Uskup Accrocca.

Uskup Emeritus Asisi, Uskup Domenico Sorrentino menjelaskan bahawa penghormatan relik ini bukanlah sekadar melihat tulang-belulang masa lalu tetapi ziarah adalah cara untuk menyertai dalam imam Sto Fransis kepada Yesus.

"Menjumpai tulang-tulang itu adalah cara untuk berpartisipasi dalam iman kepada Yesus yang bangkit," jelasnya.

Bagi umat Kristian, momen ini menjadi pengingat akan pesan sang santo tentang kematian yang ia sebut sebagai "saudari," di mana sisa-sisa tubuh fana tetap memiliki makna mendalam dalam pandangan iman. **Media Katolik**

## Sebuah Gereja didirikan di tengah-tengah peperangan di Myanmar

YANGON, Myanmar: Keuskupan Agung Yangon telah menubuhkan paroki baru yang didedikasikan kepada Hati Suci Yesus di Kampung Sauk Wain Gyi ketika Myanmar terus mengalami perang dan penderitaan yang meluas.

Menurut Radio Veritas Asia, Gereja itu didedikasikan kepada devosi Hati Suci Yesus, yang "semakin penting" di Myanmar semasa zaman perang dan penderitaan.

Dekri yang mendirikan Paroki *Sacred Heart* dikeluarkan oleh Kardinal Charles Maung Bo pada Januari 30, dan berkuat kuasa pada Februari 14, menjadikan jumlah paroki dalam keuskupan agung kepada 53.

Paroki itu telah dipercayakan kepada Fr Leo Kyaw Win sebagai paderi paroki pertamanya.

Lebih 800 orang beriman menghadiri perayaan Ekaristi pada pertengahan Februari, di mana

Gereja baharu itu diberkati dan dirasmikan.

Paroki ini melayani komuniti Katolik di Taw Lati, Zwe Mu, Yae Twin Gone, Saga Su, dan Bawla Kau.

Dalam homilinya, Uskup Aukhsilier, Raymond Wai Lin Htun menekankan kepentingan cinta yang mengalir dari Hati Suci.

"Cinta adalah ada di mana-mana." Seseorang boleh mengatakan bahawa cinta adalah asal segala-galanya. Tuhan adalah cinta, katanya.

Dalam satu mesej ringkas, Kardinal Bo membandingkan paroki yang baharu didirikan itu dengan Nazareth.

"Walaupun Nazareth dianggap tidak penting, ia melahirkan Pe-nebus dunia," katanya.

Beliau menyatakan bahawa kampung kecil itu telah menghasilkan dua orang paderi dan menyatakan harapan agar paroki itu akan



menjadi "pusat untuk pengabdian kepada Hati Suci Yesus, sumber keamanan dan amal."

Penubuhan paroki *Sacred Heart* adalah sebahagian daripada usaha keuskupan agung untuk mengukuhkan jangkauan pastoral di komuniti luar bandar dan meneruskan penginjilan "walaupun dalam masa kesusahan, kekurangan, dan ketidakpastian." **LICAS News**

VATIKAN: “Biarkan Tuhan menyucikan anda, memurnikan anda dan mengubah anda menjadi karya agung yang unik,” kata Sri Paus Leo XIV kepada umat pada hari Minggu pertama Pra-Paskah ini semasa doa Angelus Vatikan.

Dalam renungannya, Sri Paus mengingatkan bacaan Injil hari itu menurut Sto Matus, yang mengisahkan Yesus memasuki padang gurun dan dicubai oleh syaitan (Mat 4:1-11).

Selepas berpuasa selama empat puluh hari, Yesus secara fizikal, melalui rasa lapar, dan secara moral, melalui godaan syaitan, Dia merasakan beban kemanusiaan.

“Dia mengalami perjuangan yang sama yang kita semua hadapi dalam perjalanan kita,” kata Bapa Suci Leo.

Namun, “dengan menentang yang jahat, Dia menunjukkan bahawa kita juga boleh mengatasi penipuan dan jerat syaitan.”

Melalui pembacaan Injil itu, Bapa Suci mengajak umat untuk melihat Pra-Paskah sebagai “jalan yang bercahaya.”

“Melalui doa, puasa dan sedekah kita dapat memperbaharui kerjasama kita dengan Tuhan dalam membentuk kehidupan kita sebagai sebuah karya agung yang unik,” kata Bapa Suci Leo.

Ini memerlukan kita untuk membuka mata, membiarkan-Nya membersihkan noda dan menyembuhkan luka dosa, sambil kita berkomitmen untuk membiarkan hidup kita mekar dalam keindahan sehingga mencapai kepenuhan cinta — satu-satunya sumber kebahagiaan sejati.

#### Tiada yang lain memuaskan

Sri Paus Leo mengakui bahawa ini sememangnya perjalanan Pra-Paskah adalah mencabar dan sentiasa ada godaan untuk tertarik kepada jalan yang lebih mudah untuk mencapai kepuasan.

Bapa Suci menjelaskan bahawa godaan-godaan ini, yang juga dihadapi oleh Yesus sendiri, “hanyalah kegembiraan sementara dan akhirnya, ia meninggalkan kita dengan rasa tidak puas, gelisah dan kosong.”



# Jadikan hidup mu sebuah karya agung Tuhan

#### Penyesalan dan pertobatan

“Sto Paulus VI mengajar kita bahawa penyesalan, tidak memiskinkan kemanusiaan kita sebaliknya ia memperkaya, membersihkan dan menguatkan kita untuk bergerak menuju cakrawala yang bertujuan cinta dan penyerahan kepada Tuhan.”

“Sesungguhnya, walaupun penyesalan membuat kita sedar akan kekangan kita, ia juga memberikan kita kekuatan untuk mengatasinya dan untuk hidup, dengan bantuan Tuhan, dalam persekutuan yang lebih mendalam dengan-Nya dan antara satu sama lain,” ujar Bapa Suci Leo.

Sri Paus Leo mengajak umat agar mengurangkan waktu skrin, lebih bermeditasi tentang Tuhan dan berhubung dengan orang lain.

“Pada masa rahmat ini, marilah kita mengamalkan menyesali dosa dan kesalahan kita, menggantikannya dengan doa dan amal kebajikan.”

“Marilah kita mencipta ruang

untuk kesunyian dengan mematikan televisyen, radio dan telefon bimbit buat seketika. Gantikannya dengan merenungkan firman Tuhan, mendekati Sakramen, dan mendengar suara Roh Kudus yang berbicara kepada kita di dalam hati kita.”

Kita harus mendengar satu sama lain dalam keluarga, tempat kerja, dan komuniti kita, khususnya kepada mereka yang bersendirian, terutama orang tua, orang miskin dan orang sakit.

#### Mempercayakan perjalanan Pra-Paskah kepada Bonda Berkat

Bapa Suci juga menyatakan bahawa dengan melepaskan apa yang tidak perlu, kita boleh berkongsi apa yang kita simpan dengan mereka yang memerlukan.

Dengan melakukan demikian, seperti yang diajarkan oleh Sto Augustine bahawa dengan cara ini, doa kita akan sampai ke syurga dan memberi kita kedamaian.

Media Vatikan

## Jus rohani untuk jiwa

Syaitan atau Iblis seringkali dikaitkan dengan gambaran-gambaran yang menyeramkan dan menakutkan. Ada yang mengatakan, ia menyerupai manusia yang memiliki tanduk, menyerupai manusia dengan wajah buruk, menyerupai perempuan yang memiliki rambut panjang yang diurai menutupi wajah dan sebagainya.

Walau apa pun gambaran yang berkembang dalam masyarakat tentang syaitan, yang pasti Gereja Katolik mempunyai pandangannya sendiri.

Gereja Katolik memandang syaitan sebagai malaikat yang sedari awal diciptakan dengan hakikat yang baik. Sesungguhnya, Tuhan menciptakan banyak malaikat.

Sebagai ciptaan, tentu mereka bergantung pada Tuhan. Tetapi, Tuhan menganugerahi mereka kebebasan. Di sebabkan mereka memiliki kebebasan,

kemungkinan untuk memberontak juga ada lalu memisahkan diri daripada kebaikan Tuhan dan menjadi jahat. Akibatnya, sepertiga dari mereka jatuh dan menjadi apa yang kita kenal sebagai malaikat yang jatuh, iaitu para iblis.

Gereja Katolik memandang syaitan sebagai malaikat yang pada awalnya diciptakan dengan hakikat yang baik.

Nabi Yesaya menulis tentang malaikat yang jatuh itu sebagai berikut: “Wah, engkau sudah jatuh dari langit, hai Bintang Timur, putera Fajar, engkau sudah dipecahkan dan jatuh ke bumi, hai yang mengalahkan bangsa-bangsa! Engkau yang tadinya berkata dalam hatimu: Aku hendak naik ke langit, aku hendak mendirikan takhtaku mengatasi bintang-bintang Tuhan, dan aku hendak duduk di atas bukit pertemuan, jauh di sebelah utara. Aku hendak naik mengatasi ketinggian awan-awan,

hendak menyamai Yang Maha Tinggi” (Yes. 14:12-14).

Gereja Katolik mengajarkan bahawa syaitan dapat menyerang manusia dan menyebabkan manusia menderita. Oleh sebab itu, syaitan ialah musuh yang harus diperangi dalam hidup beriman. Jangan sekali-kali bersekutu dengan syaitan.

Petikan ayat Kitab Suci berikut ini harus dijadikan dasar bagi kita untuk melawan syaitan.

“Kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Tuhan, supaya kamu dapat bertahan melawan tipu muslihat Iblis; kerana perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara” (Ef. 6:11-12).

Mampukah kita melawan tipu muslihat syaitan? Atau jangan-jangan kita juga bersekutu dengannya?

Ingat, kita ini adalah anak-anak Tuhan, bukan pengabdian syaitan. Maka, janganlah takut terhadap syaitan. Sebaliknya, “Kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Tuhan, supaya kita dapat bertahan melawan tipu muslihat Iblis’.

Tuhan sebagai penolong dan pelindung kita pasti akan membantu kita untuk menjauhkan diri dari-Nya. Mintalah bantuan Tuhan dengan cara berdoa secara tulus ketika ada tanda-tanda bahwa ilmu hitam, roh jahat atau iblis hendak mengganggu kita. **Aleteia**

## Mematahkan kuasa jahat!

### PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

## Dosa dan beban dunia

“Jarang sekali menemui orang dewasa yang bertaubat dan institusi yang mengakui mereka telah melakukan kesalahan!”

Kata-kata ini dinyatakan oleh Sri Paus Leo XIV dalam homilinya pada Misa hari Rabu Abu di Basilika St Sabina yang menyatakan realiti zaman kita: kita hidup dikelilingi oleh orang-orang, perniagaan dan institusi di setiap peringkat yang jarang mengakui mereka telah melakukan kesalahan.

Permulaan Pra-Paskah menawarkan peluang besar bagi orang Kristian untuk mengakui diri kita sebagai pendosa, yang memerlukan bantuan dan pengampunan, dan sangat menarik apabila Sri Paus Leo ingin menekankan dimensi komuniti Pra-Paskah. “Gereja wujud sebagai komuniti saksi yang mengakui dosa-dosa mereka,” katanya.

Abu di kepala setiap orang dan komuniti secara keseluruhan mengajak kita untuk merasakan, kata Sri Paus Leo XIV, “beratnya dunia yang sedang terbakar, seluruh bandar yang musnah akibat perang.”

“Ini juga tercermin dalam abu undang-undang antarabangsa dan keadilan antara rakyat, abu seluruh ekosistem dan keharmonian antara rakyat, abu pemikiran kritis dan kebijaksanaan tempatan purba, abu rasa suci yang terdapat dalam setiap makhluk,” katanya.

Dalam menjalani perjalanan Pra-Paskah, penyertaan bersama kita adalah penting, kerana kita semakin sedar bahawa dosa peribadi diperbesar menjadi “struktur dosa.”

Ketika kita menerima abu di kepala kita, kita dipanggil untuk meneliti hati nurani kita tentang kesilapan kita, tetapi juga tentang kesilapan yang bergetar dalam skala besar.

Oleh itu, dalam merasakan beban dunia yang sedang terbakar, kita boleh bertanya kepada diri sendiri — sebagai sebuah komuniti, sebagai sebuah negara, sebagai organisasi antarabangsa — adakah kita telah melakukan segala yang mungkin untuk mengakhiri perang tragis di Ukraine, yang bermula dengan pencerobohan besar-besaran Rusia pada tahun 2022?

Adakah segala-galanya telah dilakukan untuk mencari penyelesaian melalui rundingan, atau adakah satu-satunya objektif sebenar yang dikejar hari ini hanyalah perlumbaan gila untuk membina semula persenjataan?

Bagaimana mungkin untuk menyaksikan, selepas serangan tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh Hamas terhadap rakyat Israel, pemusnahan total Gaza dengan lebih tujuh puluh ribu kematian?

Mengapa tiada apa-apa yang konkrit dilakukan untuk menghentikan pembunuhan beramai-ramai ini?

Bagaimana mungkin untuk menerima bahawa terdapat negara-negara di mana ekspresi bebas protes rakyat disekat dengan darah dan ribuan mangsa?

“Kita mengakui dosa-dosa kita agar kita dapat bertaubat. Ini ialah tanda dan kesaksian Kebangkitan. Abu seharusnya tidak kekal di dahi kerana ia perlu bangkit dan membina semula.

Andrea Torielli, Media Vatikan

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Kita boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my) atau**

**WhatsApp: 011-26391498**



## Sesuatu yang baik dari Kampung Laboi, Maraba

BEAUFORT: "Mungkinkah sesuatu yang baik datang dari Nazaret?"... begitulah soalan Natanael kepada Filipus (Yoh 1:46).

Natanael bertanya demikian setelah mendengar bahawa Yesus yang berasal dari Nazaret itu ialah Kristus, Sang Penyelamat dunia. Pada masa itu, orang ramai memandang rendah terhadap sebuah kota yang tidak agung dan tidak besar.

Sama seperti kisah seorang pemuda yang baharu ditahbis baru-baru ini. Siapa sangka, sebuah kampung terpencil di daerah Beaufort iaitu Kampung Laboi, Maraba telah 'melahirkan' seorang paderi.

Rev Brywinedren Godon, merupakan paderi ketiga ditahbis dari paroki Beaufort, diangkat ke jabatan imamat pada Februari 15,

di Gereja St Valentine, Beaufort.

Dalam Misa Pentahbisan yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong ini, lebih 1,000 umat menyaksikan seorang bapa memakaikan "Stola" dan "Chasuble", kepada paderi yang baharu ditahbis.

Selain itu, ahli keluarga paderi baharu itu turut memberikan kejutan kepada Fr Brywinedren apabila mereka menyediakan hadiah istimewa berupa bingkai yang mengandungi berkat apostolik Sri Paus Leo XIV.

Sementara itu, Uskup Cornelius dalam ucapannya menyeru kepada semua umat bahawa upacara pentahbisan pada hari itu merupakan panggilan dan ajakan kepada para belia untuk menyahut panggilan Tuhan.

Fr Brywinedren Godon memilih

tema pentahbisannya, "Ya Tuhan, kasihanilah aku orang yang berdo-sa ini", sebagai ungkapan bahawa panggilan itu adalah misteri, meskipun kita seorang manusia yang tidak sempurna namun Tuhanlah yang memilih dan melayakkan kita melayani di ladang-Nya.

Fr Brywinedren pernah menuntut di Sekolah Kebangsaan Beaufort, sebelum memasuki CDC pada 2017, College General Pulau Pinang pada tahun 2019 dan Seminari Kuching, pada tahun 2021.

Beliau menjalani latihan pastoral di beberapa buah paroki dan ditahbis menjadi diakon pada Oktober 26, 2025. Sebelum mengakhiri Misa, Uskup Cornelius mengumumkan Fr Brywinedren Godon diutus melayani di Katedral St Francis Xavier.



## Minda sihat, keluarga bahagia, masyarakat sejahtera

PULAU PINANG: Bijak mengendalikan tekanan dan emosi, dapat membina keluarga serta masyarakat yang sejahtera.

Baru-baru ini, ibu bapa kepada pelajar katekismus, menghadiri ceramah bertajuk "Memecahkan Kesunyian: Berbicara tentang Kesihatan Mental di Rumah" yang dianjurkan oleh Pelayanan Kehidupan Keluarga.

Penceramah jemputan, Dr Stephanie Ann Sardar, MD, mem-

bincangkan kebimbangan mendasak keluarga hari ini iaitu kesihatan mental.

Beliau menerangkan bahawa ia merangkumi keselamatan emosi, komunikasi yang sihat, hubungan yang selamat dan asas spiritual.

Kanak-kanak memerlukan ruang selamat untuk berkongsi, membuat kesilapan, dan berkembang dalam keluarga.

Dr Stephanie menasihatkan amalan seperti berhenti sejenak

sebelum berinteraksi dengan keluarga, mengosongkan fikiran apabila berasa marah dan mengelakkan melepaskan tekanan kepada anak-anak.

Antara cadangannya adalah membimbing kanak-kanak bagaimana mengawal emosi mereka, mendisiplinkan dengan sabar dan memperuntukkan masa khusus untuk mereka.

Alphonsus Ng, seorang kaunselor sekolah berlesen yang menjadi

sukarelawan di dua buah sekolah menengah Cina menawarkan untuk menyokong kanak-kanak di sokongan untuk kanak-kanak di paroki CDM yang mungkin memerlukan telinga yang mendengar.

Kedua-dua penceramah menawarkan strategi praktikal untuk menetapkan norma tingkah laku di rumah, termasuk menguruskan masa skrin dan mengimbangi kelas tuisyen dengan kerja sekolah.



PAITAN: Kursus Kateketikal Inisiasi Kristian Dewasa (IKD) Fasa Dua pada Februari 6 hingga 8 di Gereja St Francis of Assisi, Kg Sukang, menghimpunkan 28 orang katekis pembimbing dari setiap Kapela di Mision Paitan.

Hari pertama kursus dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Arthur John. Seterusnya, para peserta telah diberikan penerangan berkaitan pengenalan Inisiasi Kristian Dewasa (IKD) serta penjelasan mengenai perbezaan peranan antara katekis PMG dan fasilitator IKD yang disampaikan oleh Sr Rose Ginibun.

Pada hari kedua, kursus dimulakan dengan doa pagi sebelum diteruskan dengan sesi bincangan mengenai pertemuan-pertemuan dalam buku IKD.

Para katekis pembimbing turut diberikan pendedahan serta latihan praktikal untuk mengendalikan pengajaran mengikut bab pertemuan masing-masing.

Sepanjang sesi ini, para peserta menunjukkan penglibatan yang aktif melalui perkongsian idea dan pendekatan kreatif dalam pelaksanaan pengajaran.

## Kursus kateketikal IKD tingkatkan kemahiran katekis pembimbing



Hari ketiga kursus diteruskan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Arthur John.

Dalam homilinya, beliau menekankan kepentingan setiap individu untuk menjadi "garam yang berguna" kepada sesama, khususnya dalam pelayanan katekesis.

Secara keseluruhannya, kursus

ini telah memberi manfaat yang besar kepada para katekis pembimbing.

Melalui sesi perkongsian dan latihan yang dijalankan, para peserta telah memperoleh pengetahuan serta kemahiran baharu bagi memperkukuhkan pelayanan kateketikal di Gereja masing-masing.

## Konvensyen Warden kali pertama di Keuskupan Keningau

KENINGAU: Seramai 735 orang warden dari seluruh Keuskupan Keningau telah berhimpun dalam Konvensyen Warden Keuskupan Keningau kali pertama baru-baru ini di Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Penganjuran konvensyen bertujuan memperkukuhkan identiti, martabat dan semangat pelayanan warden sebagai pelayan

umat dalam kehidupan Gereja. Misa Kudus telah dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius, manakala Uskup Cornelius Piong memimpin Misa Kudus penutup.

Konvensyen Warden Keuskupan Keningau kali pertama telah memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman rohani serta memperdalamkan pengetahuan mereka sebagai pelayan liturgi dan umat.

